

B590

MAHATHIR-JAWATANKUASA ❖ ❖ ❖

1976

KUALA LUMPUR, 26 OGOS (BERNAMA) -- JAWATANKUASA PELABURAN YANG DILANTIK OLEH KABINET BARU-BARU INI AKAN MENKAJI CARA-CARA UNTUK MEMPERBAIKI SUASANA PELABURAN DI NEGARA INI, KATA DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

KATANYA, JAWATANKUASA TERSEBUT AKAN MENILAI UNDANG-UNDANG, DASAR DAN SISTEM PENTADBIRAN YANG SEDIA ADA UNTUK MENENTUKAN SEBARANG HALANGAN DAN Mencari JALAN BAGI MENGATASINYA SERTA MENGARAHKAN TINDAKAN PERLU DIAMBIL.

BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR DUA HARI MENGENAI +RANCANGAN MALAYSIA KETIGA-- PERANAN KALANGAN SWASTA+ ANJURAN PERSATUAN PENGILANG-PENGILANG MALAYSIA DI SINI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, SATU PROSES MENILAI SEMULA SECARA BERTERUSAN SUASANA PELABURAN PERLU DIADAKAN DALAM SESEBUAH EKONOMI YANG MODEN DAN KOMPLEKS.

INI, JELAS BELIAU, SANGAT PENTING UNTUK MENENTUKAN SAMADA PENGUMPULAN UNDANG-UNDANG DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN YANG TELAH LALU SESUAI DAN MEMBANTU TERHADAP PENGGALAKAN PELABURAN SWASTA ATAU SAMADA RINTANGAN-RINTANGAN BAGI KEPENTINGAN SISIAL TELAH MENGURANGKAN GALAKAN UNTUK MELABUR.--BERSAMBUNG 1713/BY

B591

MAHATHIR-JAWATANKUASA 2 KUALA LUMPUR ❖ ❖ ❖

224

DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi JAWATANKUASA ITU, KINI SEDANG MENINJAU BADAN-BADAN YANG TERLIBAT DENGAN PELABURAN BAGI MENYELARASKANNYA DI SAMPING MENGURANGKAN PERATURAN-PERATURAN BIROKRATIK. +WALAUPUN TIDAK WAJAR BAGI SAYA MENYATAKAN SESUATU DENGAN TEMPAT BUAT MASA INI, ADALAH MENJADI SEBAHAGIAN DARI TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA UNTUK MENELITI SETENGAH-SETENGAH TAFSIRAN MENGENAI DASAR, YANG TELAH MENINBUKAN ADUAN DAN AKHIRNYA Mengeruhkan AKLIM PELABURAN+.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, JAWATANKUASA ITU AKAN MEMUMUKAN PERHATIAN KHAS TERHADAP PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG DAN DASAR YANG ADA SEKARANG SEBELUM MENIMBANGKAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG DAN DASAR BARU.

ADALAH DIRASAKAN DENGAN HANYA MEMBERIKAN TAFSIRAN-TAFSIRAN YANG BETUL MENGENAI UNDANG-UNDANG DAN DASAR, SETENGAH-SETENGAH KEKELIRUAN DAN KETIDAKPASTIAN ITU DAPAT DIATASI.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN KESALNYA KERANA WALAUPUN KERAJAAN TELAH BERUSSAH PAYAH MENERANGKAN TUJUAN DAN KEPERLUAN SEBENARNYA AKTA PENYELARASAN PERUSAHAAN, MASIH LAGI TERDAPAT KERAGUAN TENTANG PERLUNYA KERAJAAN MENGATUR PEMBANGUNAN PERUSAHAAN NEGARA.--BERSAMBUNG 1717/BY

22

B592

MAHATHIR-JAWATANKUASA 3 KUALA LUMPUR ☉ ☉ ☉

+SAMADA BENAR ATAU TIDAK SETENGAH-SETENGAH USAHAWAN TELAH MEMBACA DALAM AKTA TERSEBUT MAKNA-MAKNA YANG TIDAK DIMAKSUDKAN OLEH KERAJAAN DAN YANG TIDAK BERASASKAN FAKTA+, UJARNYA.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN JAWATANKUASA TERSEBUT AKAN MENGENGKAJI SEMUA KEBIMBANGAN DAN RUNGUTAN YANG BERSANGKUTAN DENGAN AKTA PENYELARASAN PERUSAHAAN DAN JIKA BENAR, AKAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMPERBAIKINYA.

INI TERMASUK MERANGKA SEMULA AKTA TERSEBUT UNTUK MEMBEKALKAN KUASA-KUASA YANG LEBIH JELAS YANG TIDAK MUDAH MENIMBULKAN SALAH TAFSIRAN DIKALANGAN PARA PEGAWAI ATAU SALAH FAHAM OLEH KALANGAN PERNIAGAAN.

MENGENAI PERANAN SEKTOR SWASTA, DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA RANCANGAN MALAYSIA KETIGA MENGHARGAI DAN MENGHORMATI +PERANAN STRATEJIK+ YANG BOLEH DIMAINKAN OLEH SEKTOR TERSEBUT DARI SEGI PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PEKERJAAN.

MENURUT BELIAU, DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA PELABURAN KALANGAN SWASTA YANG BEGITU KUAT TELAH MEMBOLEHKAN EKONOMI NEGARA INI MENCAPAI KADAR PERTUMBUHAN YANG POSITIF WALAUPUN MENGALAMI DUA KEMELESETAN EKONOMI DALAM TEMPOH TERSEBUT.--BERSAMBUNG 1724/BY

B601

MAHATHIR-JAWATANKUASA 4 KUALA LUMPUR ☉ ☉ ☉

MENURUT DR. MAHATHIR, KADAR PERTUMBUHAN SEBANYAK 8.5 PERATUS SETAHUN ADALAH DIJANGKAKAN DALAM TEMPOH RM KETIGA JIKA PELABURAN SEKTOR SWASTA SEBANYAK \$26,000 JUTA DI BAWAH RANCANGAN ITU DAPAT MENGUJUDKAN 500,000 PEKERJAAN BARU.

UNTUK MENCAPAI MATLAMAT JANGKA PANJANG BAGI MEMBASMI KEMISKINAN, BIDANG EKONOMI DALAM TEMPOH RM KETIGA TERPAKSA MENGUJUDKAN HAMPIR 75,000 PEKERJAAN BARU.

KATANYA, SEMENTARA KERAJAAN AKAN BERUSAHA MENYEDIAKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN MELALUI PEMBESARAN KEGIATAN PEMBANGUNAN DAN PENTADBIRANNYA, IA JUGA TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA KALANGAN PERKILANGAN, PEMBINAAN, PERTANIAN DAN PERUSAHAAN BORONG DAN RUNCIT DI SEKTOR SWASTA BAGI MENGADAKAN PERATUSAN PEKERJAAN BARU YANG LEBIH BESAR.

MENYENTUH TENTANG HUBUNGAN ANTARA DASAR EKONOMI BARU DAN PELABURAN SWASTA LUAR NEGERI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MASALAH-MASALAH YANG TIMBUL HASIL PELAKSANAAN DASAR TERSEBUT MUNGKIN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENCAPAIAN MATLAMAT YANG KURANG SEDIKIT DALAM TEMPOH RM KEDUA.

MASALAH-MASALAH SEPERTI ITU, UJARNYA, MEMANG DIJANGKAKAN KERANA DASAR TERSEBUT MERUPAKAN SATU+PERUBAHAN YANG DRAMATIK KALAU PUN TIDAK RADIKAL DALAM MANA MATLAMAT-MATLAMAT SOSIO-POLITIK DIBENAR MENGATASI PERTIMBANGAN EKONOMI SEMATA-MATA+. --BERSAMBUNG 1752/BY

DR. MAHATHIR BERKATA, ADALAH MENJADI TUGAS JAWATANKUASA ITU UNTUK BERUSAHA MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH TERSEBUT DAN UNTUK MENGURUSKAN DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN DENGAN LEBIH REALISTIK.

JAWATANKUASA TERSEBUT AKAN MENUMPUKAN USAHANYA, TERUTAMA KEARAH MENGADAKAN TAKRIF YANG LEBIH JELAS MENGENAI DASAR ITU DAN CARA-CARA PENGGUNAANNYA, MENINGGALKAN KONSEP-KONSEP YANG LAMA DAN USANG SERTA MENGADAKAN CARA-CARA BARU JIKA DIPERLUKAN.

+KITA AKAN JUGA BERUSAHA UNTUK MEMPERBAIKI LAGI PROSES PELAKSANAAN DENGAN MENGIKTIRAF BAHAWA KEDUA-DUA MATLAMAT PEKERJAAN DAN PENYERTAAN EQUITI ADALAH MATLAMAT SELURUH DUNIA DAN TIDAK SEMESTINYA SAH HANYA UNTUK SEKTOR-SEKTOR ATAU PERUSAHAAN DAN PERBADANAN TERTENTU SAHAJA, + KATA BELIAU.

+ DALAX PERKARA INI, KITA AKAN MENGAMALKAN SIKAP TOLAKANSUR TANPA MENGORBANKAN PRINSIP-PRINSIP YANG ADA+.

DR. MAHATHIR BERKATA, JAWATANKUASA KABINET ITU AKAN JUGA MENGESAN PERANAN PELABUR-PELABUR SWASTA DAN KAKITANGAN AWAM MENGIKUT KEMAJUAN RANCANGAN TERSEBUT BAGI MENJAMIN BAHAWA KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN ANTARA KEDUA BELAH PIHAK DIPERTINGKATKAN DAN SIKAP YANG BETUL UJUD PADA SETIAP MASA.--BERSAMBUNG 1802/BY

MAHATHIR-JAWATANKUASA 6 KUALA LUMPUR

KATANYA, UNSUR YANG PALING PENTING BAGI KEJAYAAN KERJASAMA SEKTOR SWASTA DAN AWAM IALAH MENGUJUDKAN SATU +PERKONGSIAN DALAM PEMBANGUNAN+ DIMANA KEDUA PIHAK DAPAT MELIHAT FAEDAH-FAEDAH BERSAMA HASIL DARI PERKONGSIAN ITU.

+SEPERTI JUGA USAHAWAN BOLEH MENDAPAT KEUNTUNGAN DARIPADA TUGAS YANG DIJALANKAN OLEH KAKITANGAN AWAM, KAKITANGAN AWAM JUGA MESTI MENGHARGAI BAHAWA MEREKA HANYA BOLEH UJUD KERANA KEJAYAAN USAHAWAN.

+WALAUPUN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEDUA, KEDUA-DUA PIHAK INI TELAH MEMAINKAN PERANAN SALING MEMBANTU DENGAN BAIK DAN TELAH DAPAT MENGELUARKAN HASIL, MEREKA MASIH PERLU MENGUJUDKAN KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN YANG LEBIH MELUAS DALAM TEMPUH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA+.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN AKAN MENIMBANG SEBARANG CADANGAN BARU DARI SEKTOR SWASTA BERHUBUNG SAMA ADA DASAR KEWANGAN ATAU DASAR-DASAR MENGENAI GALAKAN DAN KREDIT YANG BOLEH MEMBERI SUMBANGAN UNTUK MEMESATKAN LAGI PENCAPAIAN EKONOMI DAN DASAR EKONOMI BARU.--BERSAMBUNG 1804/BY

DR. MAHATHIR BERKATA, PERLAKSANAAN DASAR-DASAR YANG MELIBATKAN PELABURAN SWASTA BIASANYA BOLEH DILONGGARKAN DAN PRAGMATIK.

DI SAMPING ITU PIHAK SWASTA JUGA MEMPUNYAI BANYAK PELUANG UNTUK MENYUARAKAN SEBARANG RASA TIDAK PUASHATI DAN PANDANGANNYA MENGENAI SEBARANG DASAR YANG MELIBATKAN PELABURAN SWASTA.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PELABUR BAHAWA MEREKA AKAN DIBERI INGATAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM SESUATU PERUBAHAN DASAR DIBUAT.

MENGENAI KEADAAN KESELAMATAN, DR. MAHATHIR MENERANGKAN KERAJAAN TELAH MENSIFATKANNYA SEBAGAI +SERIOUS+ KERANA NEGARA TIDAK SEHARUSNYA PUASHATI DENGAN SEBARANG ANCAMAN TERHADAP KEDAULATAN DAN KEUTUHANNYA.

KATANYA, BAGI PELABUR-PELABUR ASING DAN TEMPATAN KEADAAN KESELAMATAN TIDAK PATUT DIJADIKAN SATU ISSUE YANG PERLU DIBIMBANGKAN.

BELIAU MENEGASKAN NEGARA YANG BERBILANG BANGSA INI TELAH BERKALI-KALI MEMBUKTIKAN KEUPAYAANNYA UNTUK MENGHADAPI SEBARANG KEKACAUAN ATAU KRISIS DENGAN SEGERA DAN BERJAYA.--BERSAMBUNG 1830/BY

EE

B610

MAHATHIR-JAWATANKUASA R KUALA LUMPUR ☉ ☉ ☉

TAMBAHNYA, KEADAAN KESELAMATAN ADALAH TERKAWAL DAN DENGAN PENINGKATAN PROSES PEMBANGUNAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA, TARAF HIDUP DAN KESEJAHTERAAN YANG AKAN DILAHIRKAN KELAK AKAN DAPAT MEMPERKUKUHKAN LAGI KESTABILAN NEGARA DAN SETERUSNYA MEMPERKUATKAN KESELAMATAN +.

BELIAU MENYERU KALANGAN SWASTA MEMBUAT USAHA YANG LEBIH BERAZAM BAGI MEMBANTU MENCAPAI MATLAMAT YANG DITETAPKAN DALAM RM 226 KETIGA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YAKIN KESEMUA MATLAMAT TERSEBUT AKAN DAPAT DICAPAI ATAU MUNGKIN MELEBIHI DARI YANG DIJANGKAKAN SEKIRANYA SEKTOR BERKENAAN TIDAK MEMIKIRKAN LAIN-LAIN PERKARA KECU KEPENTINGAN DAN FAEDAH BERSAMA SEMUA PIHAK.--BERNAMA 1832/BY